

CCM anugerah 10 pelajar

KECEMERLANGAN yang diperoleh dalam prestasi akademik dan luar kurikulum membolehkan 10 graduan Sains Farmaseutikal dari universiti-universiti tempatan menerima Anugerah Pingat Emas Persatuan Farmaseutikal Malaysia (MPS) - Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) 2009.

Anugerah Pingat Emas MPS-CCM disampaikan setiap tahun kepada pelajar terbaik tahun akhir yang berjaya menamatkan program Sarjana Muda Farmasi di universiti-universiti awam dan swasta tempatan. Para penerima dianugerahkan Pingat Emas MPS-CCM, sekeping sijil dan wang tunai RM500.

Salah seorang penerima, Lim Chong Teck, 25, melahirkan rasa gembira kerana pengiktirafan yang diberikan dan bertekad untuk memajukan diri dalam kerjaya tersebut untuk kesejahteraan masyarakat.

"Saya pilih untuk mengikuti pengajian farmasi kerana saya mahu menubuhkan pekerjaan profesional yang membolehkan saya membantu orang lain dan masyarakat keseluruhan.

"Saya percaya ilmu pengetahuan adalah satu anugerah dan perlu diamalkan untuk meningkatkan kehidupan orang lain. Pengiktirafan ini amat bernilai dan akan merangsang saya untuk bekerja lebih kuat untuk mencapai kejayaan besar dalam kerjaya saya," kata bekas pelajar Universiti Malaya (UM) yang kini bertugas di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang itu.

Seorang lagi penerima, Wan Maisarah Wan Ahmad Kamal, 21, tidak menjangka akan muncul sebagai salah seorang pelajar farmasi terbaik.

"Sebenarnya bukan kehendak saya untuk mengikuti pengajian farmasi, tetapi ayah yang beriya-ya mahukannya. Sebenarnya saya mahu membuka perniagaan sendiri.

"Namun, apabila ayah mencadangkan saya membuka farmasi, secara tidak langsung saya bersetuju dan yakin ia mempunyai masa depan yang cerah," kata Wan Maisarah yang gemar memasak dan menyertai aktiviti sukan lasak.

Apa yang pasti, Wan Maisarah melihat kejayaan anugerah ini sebagai platform untuknya merealisasikan matlamat jangka panjangnya dalam industri farmasi.

"Saya ingin menghabiskan latihan praktikal selama setahun kemudian berkhidmat selama tiga tahun bersama kerajaan dan ingin menimba lebih banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman," tambah bekas pelajar Cyberjaya University College of Medical Sciences yang kini bertugas sebagai ahli farmasi di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Farmaseutikal CCM, Leonard Ariff Abdul Shatar berkata, Anugerah Pingat Emas MPS-CCM merupakan sumbangan bermakna CCM kepada industri tersebut dengan menghargai para pelajar cemerlang dan menyediakan satu wadah untuk mereka mencapai lebih banyak kejayaan pada

masa akan datang.

"Perubahan demografik, jangkaan penjagaan kesihatan yang lebih baik dan terdapatnya pelbagai penyakit di kalangan rakyat Malaysia telah menyumbang kepada pertumbuhan pesat dalam industri farmaseutikal dan peningkatan permintaan terhadap ahli-ahli farmasi yang bertauliah di negara ini.

"Sebagai penaja sejak 12 tahun lalu, kami menghargai peranan penting ahli-ahli farmasi dalam memastikan kualiti dan keselamatan ubat-ubatan di Malaysia.

"Kami harap, dengan kerjasama MPS, anugerah ini akan mendorong para graduan baru untuk menjadi para profesional penjagaan kesihatan yang mahir dalam pembangunan dan penggunaan ubat-ubatan di samping menjaga kepentingan masyarakat," ujar Leonard.

Dalam pada itu, Presiden MPS, Datuk Nancy Ho turut memuji sokongan padu yang diberikan CCM dan berharap para penerima anugerah

akan terus meningkatkan kefahaman dalam industri farmasi serta mencapai tahap keprofesionalan dan kecemerlangan yang tinggi dalam bidang ini.

Para penerima anugerah yang lain terdiri daripada Phuan Ke Shin (Universiti Sains Malaysia), Chua Eng Wee (Universiti Kebangsaan Malaysia), Siti Nurfajariah Said (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Lim Mun Kit (UCSI University),

Oh Hui Shian (Asian Institute of Medicine, Science and Technology), Nur Hidayah Kamaruzaman (Universiti Teknologi MARA), Jason Loo Siau Ee dan Tan Shin Yee (kedua-dua dari International Medical University).

Penyampaian Anugerah Pingat Emas MPS-CCM telah dianjurkan sempena mesyuarat agung tahunan (AGM) MPS. Dalam majlis itu juga, satu ceramah bertajuk 'Penggunaan Ubat Generik secara Berkualiti: Merandai Metos & Fakta' oleh Dr. Mohamed Azmi Ahmad Hassali, pensyarah kanan Universiti Sains Malaysia (USM) turut diadakan.

CCM, pengilang farmaseutikal generik yang terbesar di Malaysia, tersenarai di papan utama Bursa Malaysia dan merupakan syarikat utama dalam industri baja, kimia dan farmaseutikal.



LIM CHONG TECK mahu menjadikan pencapaiannya sebagai motivasi.



WAN MAISARAH mahu memikirkan matlamat jangka panjang.

